

132,654 pendatang tanpa izin berniaga tanpa kebenaran ditahan

BH ONLINE | Selasa, 5 November 2019 | 3:14pm



Tinjauan pada Mac lalu menunjukkan peniaga warga asing menjalankan perniagaan tanpa lesen di bahu jalan di sekitar Pasar Borong Selayang. - Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Seramai 132,654 pendatang tanpa izin ditahan kerana berniaga tanpa kebenaran menerusi 43,612 operasi bagi tempoh Januari 2017 hingga 31 Ogos lalu.

Bagi tempoh itu juga, seramai 3,666 majikan ditahan atas pelbagai kesalahan imigresen.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah, berkata bagi operasi penguatkuasaan di pasar borong, seramai 375 pendatang tanpa izin dan 54 majikan ditahan bagi sejak Januari hingga 26 September lalu.

“Bagi memantau kegiatan perniagaan oleh warga asing, jemaah menteri pada 29 Mac lalu bersetuju supaya satu jawatankuasa khas ditubuhkan dengan dianggotai beberapa kementerian berkaitan.

“Jawatankuasa ini berperanan dalam meningkatkan keselamatan dan menangani kebanjiran warga asing yang mendominasi beberapa pasar borong utama di Lembah Klang,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Su Keong Siong (PH-Kampar) mengenai tindakan penguatkuasaan terhadap pendatang tanpa izin yang berniaga tanpa kebenaran.

Raja Kamarul menjelaskan, kementerian sudah mengeluarkan surat kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) pada 7 Ogos lalu supaya meningkatkan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi kerajaan lain bagi mengekang kegiatan perniagaan di pasar borong yang dimonopoli warga asing.